

## **Analisis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahagian D Ujian Akhir Sesi Akademik Bahasa Melayu Murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan**

*(An Analysis of Language Errors in Section D Essay Writing of the Malay Language End-of-Academic-Session Examination among National and National-Type Primary School Students)*

<sup>1</sup> MAWADDAH MAZLAN, <sup>2</sup> TAN PEI LING & <sup>3</sup>NORAINI SALLEH

<sup>1</sup>*Sekolah Kebangsaan Seri Bukit Batu, 84200 Muar, Johor, Malaysia.*

<sup>2</sup>*Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bemban, 81800 Kulai, Johor, Malaysia.*

<sup>3</sup>*Sekolah Kebangsaan Cahaya Baru, 81100 Masai, Johor, Malaysia.*

*Dihantar: 13 Disember 2025 / Diterima: 15 Mac 2026*

*Koresponden e-mel: [mawaddahmazlan@yahoo.com](mailto:mawaddahmazlan@yahoo.com)*

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan untuk menganalisis jenis dan faktor kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dalam penulisan karangan Bahagian D Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu. Kajian ini dilaksanakan berasaskan Teori Analisis Kesalahan oleh *Corder* (1967) dan Teori Analisis Kontrastif oleh *Lado* (1957), yang menjelaskan bahawa kesalahan bahasa bukan hanya menunjukkan kelemahan pembelajaran, tetapi merupakan petunjuk proses pemerolehan bahasa kedua (B2). Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, melibatkan analisis dokumen terhadap 10 skrip karangan murid bukan penutur jati Bahasa Melayu serta temu bual separa berstruktur bersama tiga orang guru Bahasa Melayu dari kedua-dua aliran sekolah. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti corak kesalahan dan punca linguistik yang menyumbang kepada kelemahan penulisan murid. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan bahasa yang paling dominan adalah kesalahan morfologi dan imbuhan, diikuti oleh kesalahan sintaksis dan struktur ayat, serta kesalahan ejaan dan tanda baca. Murid SJKC menunjukkan kadar kesalahan yang lebih tinggi berbanding murid SK, terutamanya dalam aspek imbuhan awalan dan struktur ayat hasil pengaruh bahasa pertama (B1-Mandarin) serta kecenderungan menterjemah secara langsung ke dalam Bahasa Melayu. Faktor lain yang dikenal pasti adalah kekangan kosa kata, pendedahan linguistik yang terhad, motivasi rendah, dan bahan rujukan yang tidak kontekstual. Kajian ini memberikan implikasi penting terhadap guru dan sekolah dalam merancang intervensi pengajaran tatabahasa yang lebih diagnostik dan kontekstual. Hasil kajian juga mencadangkan pelaksanaan strategi pengajaran inovatif seperti aktiviti pembetulan kolaboratif, penggunaan teknologi tatabahasa interaktif, dan modul pemulihan berfokus kesalahan sebenar murid. Kesimpulannya, analisis kesalahan dapat dijadikan asas penting untuk memperkukuh PdP Bahasa Melayu sebagai B2 dalam sistem pendidikan pelbagai aliran di Malaysia.

**Kata kunci:** Kesalahan Bahasa; Ujian Akhir Sesi Akademik; Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua; Morfologi; Sintaksis; Imbuhan

**ABSTRACT:** This study aims to analyse the types and contributing factors of language errors committed by pupils from National Schools (Sekolah Kebangsaan, SK) and National-Type Schools (Sekolah Jenis Kebangsaan, SJK) in the writing of Section D essays in the Malay Language End-of-Session Academic Assessment (UASA). The study is grounded in *Corder's* (1967) Error Analysis Theory and *Lado's* (1957) Contrastive Analysis Theory, which posit that language errors are not merely indicators of learning deficiencies but reflect the underlying processes of second language acquisition. Employing a qualitative research design, this study involves document analysis of ten essay scripts written by non-native Malay Language learners, as well as semi-structured interviews with three Malay Language teachers from both school streams. The data were analysed thematically to identify patterns of errors and the linguistic factors contributing to pupils' writing difficulties. The findings reveal that

*the most dominant errors are morphological and affixation errors, followed by syntactic and sentence structure errors, as well as spelling and punctuation errors. Pupils from SJKC demonstrate a higher frequency of errors compared to those from SK, particularly in the use of prefixes and sentence structures, largely due to first language (Mandarin) interference and a tendency to directly translate expressions into Malay. Other contributing factors identified include limited vocabulary, restricted linguistic exposure, low motivation, and the use of non-contextual learning materials. This study provides important pedagogical implications for teachers and schools in designing more diagnostic and contextualised grammar instruction. The findings also suggest the implementation of innovative instructional strategies such as collaborative error correction activities, the use of interactive grammar technologies, and remedial modules focused on pupils' actual error patterns. In conclusion, error analysis can serve as a crucial foundation for strengthening the teaching and learning of Malay as a second language within Malaysia's multi-stream education system.*

**Keywords:** *Language Errors; End-Of-Session Academic Assessment; Malay as a Second Language; Morphology; Syntax; Affixation*

## PENGENALAN

Melayu merupakan bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar utama di Sekolah Kebangsaan (SK), manakala di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bahasa ini diajar sebagai mata muridan dan berfungsi sebagai bahasa kedua bagi sebahagian besar murid. Kedudukan ini menjadikan penguasaan bahasa Melayu, khususnya dalam kemahiran menulis karangan, sebagai indikator penting keberhasilan sistem pendidikan kebangsaan dan usaha memupuk integrasi nasional. Namun, pelbagai kajian menunjukkan murid bukan penutur jati, masih menghadapi pelbagai kesukaran untuk menguasai sistem bahasa Melayu standard, sama ada dari aspek tatabahasa, ejaan, struktur ayat mahupun pemilihan kosa kata (Ooi & Vijayaletchumy, 2017).

Pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) telah membawa kepada pengenalan Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) sebagai pentaksiran sumatif baharu bagi murid Tahap 2 sekolah rendah. UASA Bahasa Melayu sekolah rendah menilai kemahiran bahasa murid melalui beberapa bahagian, dan Bahagian D secara khusus menguji keupayaan murid menulis karangan lengkap berdasarkan tugas yang lebih terbuka (respons terbuka). Bahagian ini memperuntukkan markah yang besar dan menilai bukan sahaja kejelasan idea, tetapi juga ketepatan sistem bahasa (tatabahasa, ejaan, struktur ayat dan tanda baca) mengikut format baharu yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Oleh itu, analisis kesalahan bahasa dalam skrip karangan Bahagian D UASA memberi gambaran langsung tentang tahap penguasaan bahasa sebenar murid dalam konteks pentaksiran nasional semasa.

Dari sudut teori pemerolehan bahasa kedua, kesalahan bahasa lazim dilihat sebagai petunjuk proses pembelajaran yang sedang berlangsung, khususnya apabila berlaku pemindahan negatif daripada bahasa pertama (B1) kepada bahasa kedua (B2). Kajian Ooi (2017) misalnya menunjukkan pengaruh kuat B1 dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai B2 dalam kalangan murid Cina, terutama dari segi struktur ayat dan pemilihan kosa kata. Dapatan ini disokong oleh kajian Loo dan Nor Azwahanum (2025) yang mendapati murid bukan penutur natif cenderung melakukan kesalahan yang berpunca daripada campur tangan bahasa ibunda (B1), sama ada dari aspek fonologi, morfologi mahupun sintaksis, apabila mereka membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Kajian Zaliza (2018) terhadap penulisan karangan murid mendapati kesalahan tatabahasa yang ketara melibatkan aspek morfologi (penggunaan imbuhan, kata ganda, kata sendi) dan sintaksis (susunan frasa dan ayat, ayat tergantung). Kajian Siti Rahayu dan Sharil Nizam (2020) khusus terhadap murid Cina Tahun 6 di sebuah SJKC pula mendapati kesalahan paling dominan ialah kesalahan imbuhan awalan *meN-* dan *di-*. Dapatan mereka menunjukkan bahawa murid yang memmuridi bahasa Melayu sebagai B2 masih belum menguasai sepenuhnya sistem imbuhan bahasa Melayu, sekali gus menjejaskan kejelasan maksud dan ketepatan struktur ayat dalam karangan.

Kajian terkini yang menumpukan murid Cina dan penutur bukan natif turut menyokong dapatan tersebut. Hasanah et al. (2025) yang meneliti kesalahan morfologi golongan kata dalam kalangan murid Cina yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2 melaporkan bahawa

kesalahan penggunaan kata tugas, kata ganda dan imbuhan masih tinggi walaupun murid telah mengikuti pendidikan formal bahasa Melayu selama beberapa tahun. Kajian Chintella dan Nor Azwahanum (2023) mendapati kesalahan bahasa dalam penulisan karangan murid sekolah menengah meliputi aspek morfologi, sintaksis dan semantik, termasuk kesalahan aturan D-M (diterangkan–menerangkan), terjemahan langsung daripada bahasa Inggeris serta penyalahgunaan kata pinjaman. Walaupun sebahagian kajian ini melibatkan murid menengah dan murid antarabangsa, pola kesalahan yang ditemui ialah pengaruh B1, kekeliruan imbuhan, ejaan serta struktur frasa yang sangat relevan dengan konteks murid sekolah rendah yang memmuridi bahasa Melayu sebagai B2.

### PERNYATAAN MASALAH

Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar utama di Sekolah Kebangsaan (SK), penguasaannya dalam kalangan murid masih belum berada pada tahap yang memuaskan, khususnya dari segi kemahiran menulis karangan. Sebagai contoh, kajian meninjau kelemahan penguasaan menulis dalam kalangan murid bukan penutur natif mendapati 65.2% responden di sekolah jenis kebangsaan (SJK) tidak menguasai kemahiran menulis dalam Bahasa Melayu (Nora'azian, 2020). Situasi ini menjadi lebih serius apabila berkaitan dengan tahap pencapaian peperiksaan di mana komponen penulisan karangan dalam pentaksiran seperti Bahagian D, UASA memberi peruntukan markah yang besar dan menjadi penentu awal tahap literasi bahasa murid. Namun, wujudnya pola kesalahan yang berulang seperti ejaan yang tidak betul, imbuhan yang salah, susunan ayat yang goyah dan struktur frasa yang kurang tepat menjurus kepada pengurangan prestasi karangan murid serta menjejaskan penilaian sebenar keupayaan mereka sebagai pengguna bahasa.

Kajian lepas menunjukkan pola kesalahan bahasa yang agak konsisten dalam kalangan penutur bukan jati Bahasa Melayu. Siti Rahayu dan Sharil Nizam (2020), misalnya mendapati murid sekolah rendah melakukan kesalahan yang

Walau bagaimanapun, kajian-kajian yang sedia ada cenderung menumpukan satu jenis sekolah atau satu kumpulan murid sahaja, contohnya murid Cina di SJKC atau murid menengah di sekolah persendirian Cina, dan tidak banyak kajian yang membuat perbandingan langsung antara murid SK dan SJKC dalam konteks pentaksiran sebenar seperti UASA. Tambahan pula, sebahagian besar kajian meneliti karangan latihan biasa atau tugas bilik darjah, bukan skrip UASA Bahagian D yang dilaksanakan mengikut format baharu pasca pemansuhan UPSR. Jurang ini penting kerana karangan Bahagian D UASA menggambarkan prestasi murid dalam situasi peperiksaan sebenar, dan perbandingan antara murid SK serta murid SJKC dapat menunjukkan sama ada wujud pola kesalahan yang berbeza mengikut latar sekolah dan status bahasa Melayu sebagai B1 atau B2.

tinggi dari aspek morfologi, khususnya penggunaan imbuhan dalam penulisan karangan. Nurul Adzwa et al. (2020), menyatakan kesalahan imbuhan dalam penulisan karangan murid memberi kesan langsung terhadap kejelasan makna dan ketepatan gramatikal ayat. Di peringkat sekolah menengah, Ugartini et al. (2021), dan Hasnah (2024) menunjukkan bahawa murid di sekolah persendirian Cina masih kerap melakukan kesalahan bahasa dari aspek morfologi, sintaksis dan ejaan, walaupun telah belajar dalam penulisan karangan bukan masalah terencil, sebaliknya wujud secara berterusan di pelbagai peringkat persekolahan.

Terdapat jurang kajian yang ketara kerana masih kurang penyelidikan yang meneliti secara terperinci jenis dan kekerapan kesalahan bahasa dalam karangan Bahagian D UASA, khususnya dengan perbandingan antara murid SK dan SJKC. Analisis sistematik terhadap skrip UASA penting untuk menunjukkan tahap sebenar penguasaan bahasa murid serta mengenal pasti aspek tatabahasa, imbuhan, ejaan dan struktur ayat yang paling bermasalah mengikut aliran sekolah. Dapatan ini sangat diperlukan bagi membantu guru merancang intervensi pengajaran yang lebih berfokus dan menyokong hasrat KPM untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu standard dalam semua jenis sekolah.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan berdasarkan objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti jenis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D

UASA murid SK dan SJKC bukan penutur jati.

2. Mengetahui pasti faktor-faktor menyebabkan murid melakukan kesalahan dalam penulisan karangan Bahagian D UASA.

## **TEORI KESALAHAN BAHASA**

Kajian ini berasaskan dua teori utama dalam bidang pemerolehan B2, iaitu Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1967) dan Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957). Kedua-dua teori ini saling melengkapi dalam menerangkan bagaimana kesalahan bahasa berlaku dalam kalangan murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2. Teori Analisis Kesalahan yang diperkenalkan oleh Corder (1967) menegaskan bahawa kesalahan yang dilakukan oleh murid bukan semata-mata kelemahan, tetapi merupakan petunjuk kepada proses pembelajaran bahasa. Melalui analisis kesalahan, guru dan penyelidik dapat mengenal pasti jenis, punca serta corak kesalahan yang berlaku bagi tujuan penambahbaikan pengajaran. Dalam konteks kajian ini, teori ini membolehkan penyelidik menganalisis kesalahan ejaan, tatabahasa dan

struktur ayat dalam karangan UASA murid SK dan SJKC secara sistematik.

Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957) menjelaskan bahawa perbezaan struktur antara bahasa B1 dan B2 boleh menyebabkan gangguan bahasa. Murid SJKC misalnya, cenderung menterjemah terus struktur ayat daripada bahasa ibunda Cina ke dalam bahasa Melayu, manakala murid SK mungkin terpengaruh dengan dialek tempatan atau bahasa pasar. Teori ini membantu menerangkan perbezaan corak kesalahan antara dua kumpulan murid berlatar belakang bahasa yang berbeza.

Secara keseluruhannya, kedua-dua teori ini saling menyokong dalam menjelaskan fenomena kesalahan bahasa murid dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Teori Corder membantu mengenal pasti kesalahan, Teori Lado pula menjelaskan punca.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bertujuan memahami secara mendalam bentuk dan punca kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai B2 dalam penulisan karangan Bahagian D Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA). Pendekatan ini membolehkan penyelidik meneliti

data secara terperinci, menafsir makna di sebalik kesalahan yang berlaku, serta memahami pengalaman guru dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

### **Peserta Kajian**

Teknik pensampelan secara bertujuan digunakan semasa memilih peserta kajian. Kriteria pemilihan peserta kajian ialah murid yang terdiri daripada murid Tahap 2 dan bukan penutur jati bahasa Melayu. Peserta kajian dipilih daripada kalangan murid yang belajar di SK dan SJKC,

iaitu sebanyak 10 karangan daripada 10 orang murid yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2 di bawah bimbingan guru mata pelajaran. Selain 10 orang murid tersebut, tiga orang guru bahasa Melayu yang mengajar murid Tahap 2 juga ditemu bual.

### **Instrumen Kajian**

Data dari kajian adalah menerusi dua kaedah, iaitu kaedah analisis dokumen dan temu bual. Dalam kajian ini data utama diperolehi melalui analisis dokumen, iaitu kertas jawapan karangan UASA Bahasa Melayu Bahagian D murid Tahap 2 dari SK dan SJKC yang mempelajari bahasa Melayu sebagai B2. Analisis terhadap karangan murid bukan penutur jati dilakukan bagi mengenal pasti jenis-jenis kesalahan bahasa yang

biasa dilakukan. Kaedah ini selaras dengan Teori Analisis Kesalahan oleh Stephen Pit Corder (1967) yang menekankan kepentingan meneliti kesalahan murid untuk memahami proses pembelajaran bahasa serta kelemahan sistem linguistik yang dikuasai.

Temu bual separa berstruktur turut dijalankan bersama guru bahasa Melayu bagi mendapatkan pandangan mereka tentang punca

kesalahan murid serta strategi pengajaran yang digunakan untuk membantu murid bukan penutur jati. Kaedah temu bual ini memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang faktor kontekstual seperti latar belakang bahasa, sikap murid terhadap bahasa Melayu dan cabaran guru dalam pengajaran di dua jenis sekolah yang berbeza. Pendekatan ini sejajar dengan pandangan Creswell (2018) bahawa kajian kualitatif memberi peluang kepada penyelidik untuk memahami fenomena pendidikan dari perspektif peserta kajian secara holistik dan bermakna.

### Kaedah Analisis Data

Kaedah pengumpulan data dibahagikan kepada dua, iaitu skrip jawapan penulisan karangan dan temu bual. Kajian ini mengehendkan dapatan data dalam bentuk penulisan karangan murid sahaja. Karangan murid ialah satu set data bertulis yang perlu dianalisis mengikut aspek-aspek yang digariskan dalam sistem bahasa. Oleh itu, beberapa skrip jawapan ujian Bahagian D kertas penulisan murid Tahap 2 yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dipilih untuk dijadikan sebagai sampel kajian.

Kaedah temu bual dilaksanakan secara atas talian yang memerlukan guru sebagai responden

Gabungan analisis karangan dan temu bual guru dalam pendekatan kualitatif ini membolehkan penyelidik meneliti bukan sahaja bentuk kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid, tetapi juga punca linguistik dan pedagogi yang menyumbang kepada berlakunya kesalahan tersebut. Dapatan kajian diharap dapat membantu guru bahasa Melayu merancang intervensi pengajaran yang lebih berfokus dan berkesan, seterusnya meningkatkan penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan murid pelbagai aliran sekolah.

temu bual untuk menjawab soalan temu bual yang diberikan. Temu bual yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengumpulkan maklumat mengenai faktor kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid bukan penutur jati. Borang temu bual dibahagikan kepada tiga (3) bahagian, iaitu Bahagian A (latar belakang dan pandangan umum guru), Bahagian B (kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D UASA) dan Bahagian C (faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa). Jadual 1 menunjukkan analisis latar belakang responden kajian dalam bentuk peratusan dan kekerapan.

JADUAL 1: Analisis latar belakang peserta kajian

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Jantina	Kaum/Etnik
1	SK	Perempuan	India
2	SK	Perempuan	India
3	SK	Perempuan	India
4	SK	Perempuan	Iban
5	SK	Lelaki	Iban
6	SJKC	Lelaki	India
7	SJKC	Lelaki	Cina
8	SJKC	Lelaki	Cina
9	SJKC	Perempuan	Cina
10	SJKC	Lelaki	Cina

Jadual 1 menunjukkan 10 sampel murid bukan penutur jati yang terdiri daripada Tahap 2, iaitu Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6. Sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada jantina perempuan dan lelaki yang berlatar belakang pelbagai kaum dan etnik seperti Cina, India dan peribumi yang berasal dari Sarawak dan Sabah, iaitu Iban. Justeru, hasil daripada dapatan kajian ini telah mendapati bahawa 10 peserta kajian murid bukan penutur jati tersebut

telah melakukan pelbagai jenis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu mereka.

Jadual 2 menunjukkan seramai tiga (3) orang guru bahasa Melayu yang ditemu bual untuk mengumpulkan maklumat mengenai faktor kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid bukan penutur jati. Ketiga-tiga guru adalah terdiri daripada guru perempuan. Terdapat dua (2) orang guru bahasa Melayu dari SK yang berbangsa Melayu, manakala seorang guru bahasa Melayu dari aliran SJKC yang berbangsa Cina.

JADUAL 2: Analisis maklumat peserta kajian yang ditemu bual

Guru Bahasa Melayu (PK)	Aliran Sekolah	Jantina	Kaum/Etnik	Opsyen
PK1	SK	Perempuan	Melayu	Bahasa Melayu
PK2	SK	Perempuan	Melayu	Bahasa Melayu
PK3	SJKC	Perempuan	Cina	Bahasa Melayu

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis yang dilakukan terhadap kesalahan-kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid dalam penulisan karangan Bahagian D UASA bahasa Melayu. Seterusnya, faktor-faktor yang mempengaruhi

murid bukan penutur natif melakukan kesalahan bahasa dalam penulisan karangan melalui hasil dapatan temu bual yang dijalankan terhadap tiga (3) orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di lokasi kajian.

### Jenis-Jenis Kesalahan Bahasa

#### A. Kesalahan Aspek Ortografi

Daing Zairi et al. (2023) dalam kajiannya menjelaskan aspek ortografi merupakan salah satu aspek penulisan yang penting untuk mengesan tahap kemahiran menulis murid kerana kesalahan ortografi akan mengubah makna penulisan yang hendak dihasilkan. Perubahan makna sesebuah kata boleh mempengaruhi keseluruhan ayat yang dibina oleh murid.

Ortografi merupakan satu bentuk sistem ejaan sesuatu bahasa yang betul dan standard yang digunakan seperti penggunaan ejaan dan huruf besar atau kecil, kata sendi dan penggunaan kata yang tidak bersesuaian. Kesalahan ortografi merupakan kesalahan tatabahasa yang paling kerap dilakukan oleh murid apabila mempelajari B2 dan B3.

JADUAL 3: Kekerapan kesalahan

Jenis Kesalahan Ortografi	Kekerapan Keseluruhan	
	SK	SJKC
1. Ejaan	9	13
2. Huruf besar / kecil	7	7
3. Tanda baca	3	6
<b>Jumlah Kesalahan</b>	<b>19</b>	<b>26</b>

Berdasarkan Jadual 3, kekerapan kesalahan aspek ortografi secara keseluruhan antara aliran SK dan SJKC menunjukkan perbezaan yang ketara. Kesalahan ortografi bagi aspek ejaan, kekerapan kesalahan bagi murid aliran SJKC adalah lebih tinggi berbanding dengan murid aliran SK, iaitu 13 kali berbanding 9 kali. Seterusnya, kekerapan kesalahan huruf besar atau kecil yang dilakukan oleh murid aliran SJKC dalam penulisan karangan adalah sama dengan kekerapan murid aliran SK. Aspek ortografi yang

ketiga, iaitu tanda baca juga menunjukkan perbezaan ketara antara murid aliran SK dan SJKC. Murid SJKC telah melakukan sebanyak 6 kali kesalahan, manakala murid aliran SK hanya melakukan 3 kali kesalahan. Justeru, kekerapan keseluruhan kesalahan ortografi murid aliran SJKC lebih tinggi berbanding dengan murid aliran SK di mana murid SJKC melakukan 26 kali kesalahan bahasa, manakala murid SK melakukan 19 kali kesalahan bahasa.

### Kesalahan Ejaan

Berdasarkan Jadual 4, kesalahan pertukaran huruf dengan huruf lain dapat dilihat pada perkataan 'menggu', 'taklimak', 'kentin', 'bergumpul', 'bersoronok', 'kimi', 'Gugu', 'yambut', 'aktivita', 'bendira' dan 'ais cream'. Ejaan betul bagi

perkataan-perkataan tersebut ialah 'minggu', 'taklimat', 'kantin', 'berkumpul', 'berseronok', 'kami', 'Guru', 'sambut', 'aktiviti', 'bendera' dan 'aiskream'. Pertukaran huruf dengan huruf

dapat meneliti bahawa murid yang bukan penutur jati keliru dengan sebutan bunyi vokal /a/e/i/o/u.

Seterusnya, kesalahan pengguguran huruf dalam perkataan pula dapat dilihat pada perkataan 'rumpt', 'lonkang', 'perkemahan', 'meliha', 'berkela' dan 'gembir' di mana murid telah menggugurkan huruf vokal /u/ dalam perkataan 'rumpt' yang sepatutnya dieja seperti 'rumpu', menggugurkan huruf konsonan /g/ dalam perkataan 'lonkang' yang sepatutnya dieja dengan 'longkang', menggugurkan huruf konsonan /h/ dalam perkataan 'perkemahan' dan 'berkela' yang perlu dieja dengan 'perkhemahan' dan 'berkelah', menggugurkan huruf konsonan /t/ dalam perkataan 'meliha' yang sepatutnya dieja

dengan 'melihat' dan menggugurkan huruf vokal /a/ bagi perkataan 'gembir' yang sepatutnya dieja seperti 'gembira'.

Kesalahan ketiga yang dilakukan oleh murid dalam aspek ortografi adalah penambahan huruf dalam perkataan. Antaranya perkataan yang ditambah huruf ialah 'beruniform', 'eppal', 'tanggan', 'pizzah', 'oreng' dan 'cokolat'. Ejaan yang betul bagi perkataan-perkataan tersebut ialah 'beruniform', 'epal', 'tangan', 'pizza', 'oren' dan 'coklat'. Penambahan huruf menjadikan struktur suku kata bertambah. Sebagai contoh, perkataan /cok/lat bertambah menjadi tiga suku kata, iaitu /co/ko/lat.

JADUAL 4: Kesalahan ejaan

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Ejaan Salah	Jenis Kesalahan
PK1	SK	menggu	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK1	SK	taklimak	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK1	SK	rumpt	Pengguguran huruf dalam perkataan
PK1	SK	lonkang	Pengguguran huruf dalam perkataan
PK2	SK	beruniform	Penambahan huruf dalam perkataan
PK2	SK	kentin	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK3	SK	bergumpul	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK3	SK	bersoronok	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK4	SK	perkemahan	Pengguguran huruf dalam perkataan
PK5	SK	eppal	Penambahan huruf dalam perkataan
PK6	SJKC	tanggan	Penambahan huruf dalam perkataan
PK6	SJKC	kimi	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK6	SJKC	pizzah	Penambahan huruf dalam perkataan
PK6	SJKC	oreng	Penambahan huruf dalam perkataan
PK6	SJKC	Gugu	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK7	SJKC	aktivita	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK8	SJKC	meliha	Pengguguran huruf dalam perkataan
PK9	SJKC	bendira	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK10	SJKC	ais cream	Pertukaran huruf dengan huruf lain
PK10	SJKC	berkela	Pengguguran huruf dalam perkataan
PK10	SJKC	cokolat	Penambahan huruf dalam perkataan
PK10	SJKC	gembir	Pengguguran huruf dalam perkataan

#### ***Kesalahan Penggunaan Huruf Besar atau Kecil***

Berdasarkan Jadual 5, dapat dirumuskan bahawa murid-murid bukan penutur jati keliru dengan penggunaan huruf besar dan kecil. Terdapat empat (4) PK dari aliran sekolah SK melakukan kesalahan huruf besar dan kecil dalam penulisan karangan mereka berbanding murid dari aliran SJKC yang hanya terdiri daripada tiga (3) PK. PK1 telah melakukan kesalahan penggunaan huruf besar dalam penulisan untuk kata nama am dan kata hubung, iaitu 'Aktiviti' yang sepatutnya ditulis dengan 'aktiviti', 'Kerana' yang sepatutnya ditulis dengan 'kerana' dan

'Kampung', sepatutnya 'kampung'. PK2 melakukan huruf kecil semasa menulis permulaan ayat bagi perkataan pertama, 'selepas' yang sepatutnya ditulis dengan 'Selepas'. PK3 telah melakukan tiga kesalahan huruf besar semasa menulis perkataan di mana perkataan tersebut adalah terletak di pertengahan ayat. Antaranya ialah 'Kami', sepatutnya 'kami', 'Sekali', sepatutnya 'sekali' dan 'Ada' sepatutnya 'ada'. PK4 dari aliran SK juga melakukan kesalahan yang sama seperti PK3. Perkataan yang dikesan salah ialah 'Ibu', sepatutnya 'ibu'.

JADUAL 5: Kesalahan huruf besar dan kecil

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Perkataan	Jenis Kesalahan
PK1	SK	Saya pergi <b>A</b> ktiviti gotong-royong...	Huruf besar
PK1	SK	Saya sangat gembira <b>K</b> erana <b>K</b> ampung saya sangat bersih...	Huruf besar
PK2	SK	...selepas itu, kami juga balik ke rumah.	Huruf kecil
PK3	SK	Selain itu, <b>K</b> ami bergumpul di padang...	Huruf besar
PK3	SK	Akhir <b>S</b> ekali, bertolak pulang di rumah.	Huruf besar
PK3	SK	Kesimpulannya, <b>A</b> da lagi banyak program yang...	Huruf besar
PK4	SK	Seorang <b>I</b> bu sedang menggambar anaknya yang membuat istana pasir.	Huruf besar
PK8	SJKC	Tujuan aktiviti ini <b>A</b> ntara yang	Huruf besar
PK8	SJKC	Saya melihat <b>D</b> atuk dan nenek makan berkelah...	Huruf besar
PK8	SJKC	Selain itu saya melihat <b>A</b> dik dan <b>A</b> bang bermain.	Huruf besar
PK9	SJKC	Pada hari <b>s</b> abtu yang lalu, <b>S</b> aya dan murid-murid...	Huruf besar dan huruf kecil
PK10	SJKC	... <b>k</b> ami berkemas barang-barang pergi ke hotel.	Huruf kecil
PK10	SJKC	...kami pergi berkeley di pantai pada hari <b>k</b> hamis.	Huruf kecil
PK10	SJKC	Kami dapat <b>M</b> akan bihin ais cream main pasir ambil gambar...	Huruf besar

Bagi murid aliran SJKC, PK8 melakukan tiga kesalahan huruf besar. Kesalahan yang dilakukan ialah penulisan huruf besar bagi perkataan yang terletak di pertengahan ayat. Situasi ini sama seperti dengan murid aliran SK. Antaranya perkataan yang dikesan salah ialah 'Antara' sepatutnya 'antara', 'Adik', sepatutnya 'adik', 'Abang', sepatutnya 'abang' dan 'Datuk', sepatutnya 'datuk'. PK9 menghadapi keliru dalam penggunaan huruf besar dan huruf kecil bagi kata nama khas dan kata ganti nama. PK9 menulis 'sabtu' yang sepatutnya betul ialah 'Sabtu' dan 'Saya' yang sepatutnya ialah 'saya'.

PK10 pula melakukan dua (2) kesalahan huruf kecil dan satu kesalahan huruf besar. Kesalahan huruf kecil pertama ialah penulisan perkataan dengan huruf kecil semasa awal permulaan ayat, iaitu 'kami' sepatutnya ditulis dengan 'Kami'. Kesalahan huruf kecil kedua adalah menulis kata nama khas dengan huruf kecil, iaitu 'khamis' sepatutnya ditulis dengan 'Khamis'. Kesalahan huruf besar pula ialah menulis perkataan 'Makan' yang terletak di pertengahan ayat yang sepatutnya ditulis dengan huruf kecil, iaitu 'makan'.

### Kesalahan Penggunaan Tanda Baca

Berdasarkan Jadual 6, jumlah kekerapan kesalahan bagi penggunaan tanda baca murid aliran SJKC adalah lebih tinggi berbanding dengan murid aliran SK bersamaan enam (6) kali berbanding tiga (3) kali. PK1 dari SK telah melakukan kesalahan tanda noktah (.) bagi ayat di mana PK1 tidak menulis noktah pada perkataan akhir dalam ayat. PK2 melakukan kesalahan tanda koma (,) dalam ayat di mana 'Sebelum, kami bergerak...'. PK2 keliru dengan penggunaan tanda koma. Hal ini dapat dilihat dalam ayat penulisan karangan, mereka menggunakan tanda koma pada tempat yang tidak memerlukan tanda baca. Sebaliknya, PK3 tidak mengetahui meletakkan tanda koma (,) dalam ayatnya, iaitu 'satu kumpulan meletakkan kayu kumpulan yang dua memasak...' sehingga dapat mengelirukan pembaca tentang makna yang hendak disampaikan.

Menurut Jadual 6 lagi, didapati murid aliran SJKC, sampel 6 melakukan kesalahan tanda koma (,) dalam penulisan ayat juga. Kesalahan yang dilakukan oleh PK6 ialah penggunaan tanda koma sebagai tanda baca untuk menyambungkan ayat pertama dengan ayat kedua. Contoh kesalahan ayat yang ditulis oleh PK6 adalah seperti 'Guru besar pergi ke pentas, Guru besar memberitahu kita hari ini ialah Sambutan Hari Guru' dan 'Saya berasa besar hati, Saya berharap boleh yambut Sambutan Hari Guru lagi.'. Seterusnya, PK7 juga melakukan kesalahan tanda koma dalam penulisan ayat. Kesalahan dapat diteliti dalam ayat 'Di perpustakaan kita boleh menggunakan komputer untuk membuat nilam.' di mana murid tidak meletakkan tanda koma selepas perkataan 'perpustakaan' sebagai jeda perhentian.

PK10 melakukan tiga (3) kesalahan dalam penggunaan tanda baca. Yang pertama ialah kesalahan tanda koma dalam ayat 'Pada cuti sekolah saya pergi berkelah bersama keluarga saya.' di mana murid tidak meletakkan tanda koma selepas frasa 'pada cuti sekolah' sebagai jeda perhentian ayat. Yang kedua dan ketiga merupakan kesalahan yang sama, iaitu tanda koma dan noktah. Misalnya, 'Selepas kami pergi

ke hotel kami tidur dan kami pergi berkelah di pantai'. Ayat ini jelas melihat PK10 keliru menggunakan tanda koma dan noktah semasa penulisan. PK10 sepatutnya meletakkan tanda koma selepas frasa 'selepas kami pergi ke hotel' sebagai jeda perhentian ayat dan meletakkan noktah pada perkataan akhir dalam ayat sebagai tanda penghabisan penulisan ayat tersebut.

JADUAL 6: Kesalahan tanda baca

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Tanda Bacaan	Jenis Kesalahan
PK1	SK	Saya pergi Aktiviti gotong-royong bersama kawan-kawan saya	Tanda noktah
PK2	SK	Sebelum, kami bergerak ke tempat perkhemahan yang disediakan .	Tanda koma
PK3	SK	...satu kumpulan meletakkan kayu kumpulan yang dua memasak...	Tanda koma
PK6	SJKC	Guru besar pergi ke pentas, Guru besar memberitahu kita hari ini ialah Sambutan Hari Guru.	Tanda koma
PK6	SJKC	Saya berasa besar hati, Saya berharap boleh yambut Sambutan Hari Guru lagi.	Tanda koma
PK7	SJKC	Di perpustakaan kita boleh menggunakan komputer untuk membuat nilam.	Tanda koma
PK10	SJKC	Pada cuti sekolah saya pergi berkelah bersama keluarga saya.	Tanda koma
PK10	SJKC	Selepas kami pergi ke hotel kami tidur dan kami pergi berkelah di pantai	Tanda koma dan noktah
PK10	SJKC	Sebelum kami balik ke rumah kami kutip sampah yang merata-rata	Tanda koma dan noktah

## B. Kesalahan Imbuan

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 8, jelasnya melihat kesalahan ketara penggunaan imbuan antara murid aliran SK dan SJKC adalah penggunaan imbuan awalan. Kesalahan imbuan yang dilakukan oleh PK2 ialah imbuan apitan. Contoh ayat '...kami mengadakan penyampayan' sepatutnya menggunakan imbuan apitan 'peny...an' untuk membentuk kata terbitan yang memberi maksud sesuatu program atau hal. Kesalahan ayat kedua '...kerana dapat memasuki perkhemahan', kata terbitan 'memasuki' sepatutnya menggunakan imbuan awalan pada perkataan 'masuk' agar kata terbitan 'memasuk' dapat membawa makna yang lebih tepat. Ayat ketiga 'berbalas pantun, teka-teki, dan malam budaya', kesalahan yang dikesan ialah bagi perkataan 'budaya'. Kata dasar yang juga merupakan kata nama am memerlukan imbuan apitan untuk disesuaikan dengan tujuan ayat yang hendak menyampaikan nama program yang dijalankan. Justeru, 'budaya' hendaklah diapitkan dengan imbuan apitan 'ke...an' menjadi kata terbitan 'kebudayaan'. Seterusnya,

PK4 melakukan kesalahan imbuan awalan semasa menulis ayat karangan. Ayat ditulis oleh PK4, 'Ayah saya sedang meminum jus sambil melihat suasana di pantai itu', didapati melakukan kesalahan pada kata terbitan 'meminum'. Murid sepatutnya tidak memerlukan menambah imbuan awalan *me-* pada kata dasar minum kerana kata dasar minum telah jelas membawa makna sesuatu tindakan.

Bagi murid aliran SJKC, kesalahan yang dilakukan oleh PK6, PK7, PK8 dan PK10 adalah sama, iaitu kesalahan imbuan awalan. Antaranya kesalahan kata terbitan dalam penulisan ayat ialah 'Saya terharap SJK(C) Bambam lagi mengadakan Sambutan Hari Guru'. PK6 telah menggunakan imbuan awalan 'ter-' untuk menyampaikan hasratnya. Imbuan 'ter-' adalah membawa makna tentang sesuatu tindakan yang dilakukan adalah tidak sengaja atau di luar kawalan. Justeru, bagi menyampaikan perasaan atau hasrat, murid sepatutnya menggunakan imbuan awalan 'ber-' yang membawa makna ada sesuatu.

Kesalahan ayat kedua kategori SJKC ialah 'kami *menletakkan makanan, minuman dan buah-buahan*'. Berdasarkan ayat ini, penggunaan imbuhan awalan 'meN-' menjadi awalan 'me-' apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf /m/, /l/, /w/ dan /ny/. Kesalahan yang berlaku dalam ayat pada PK7 ialah kesalahan imbuhan 'men-' pada kata dasar letak. Kata kerja ini perlu menerima imbuhan awalan 'meN-' iaitu meletak untuk membentuk kata kerja aktif transitif yang memerlukan objek sebagai pelengkap maksud, iaitu makanan.

Kesalahan yang sama juga didapati dalam ayat kedua PK7, iaitu 'gembira semua murid *mentepukan tangan*' di mana kesalahan imbuhan 'men' pada kata dasar tepuk. Imbuhan awalan 'meN-' menjadi awalan 'men-' apabila diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan huruf /c/, /d/, /j/, /t/ dan /z/. Justeru, kata kerja ini perlu menerima imbuhan awalan 'men-' iaitu menepuk untuk membentuk kata kerja aktif transitif yang memerlukan objek sebagai pelengkap maksud, iaitu tangan.

JADUAL 8: Kesalahan imbuhan

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Imbuhan	Jenis Kesalahan
PK2	SK	...mengemas khemah-khemah dan kami mengadakan <i>penyampayam</i> ...	Imbuhan apitan
PK2	SK	...kerana dapat <i>memasuki</i> perkhemahan...	Imbuhan apitan
PK2	SK	...berbalas pantun, teka-teki, dan malam <i>budaya</i> ...	Imbuhan apitan
PK4	SK	Ayah saya sedang <i>meminum</i> jus sambil melihat suasana di pantai itu,	Imbuhan awalan
PK6	SJKC	Saya <i>terharap</i> SJK(C) Bombam lagi mengadakan Sambutan Hari Guru.	Imbuhan awalan
PK7	SJKC	...kami <i>menletakkan</i> makanan, minuman dan buah-buahan...	Imbuhan awalan
PK7	SJKC	...gembira semua murid <i>mentepukan</i> tangan...	Imbuhan awalan
PK8	SJKC	Saya <i>ternampak</i> saya rakan membaca surat khabar dengan <i>hati-hati</i> ...	Imbuhan awalan
PK10	SJKC	Kami <i>berkemas</i> barang-barang pergi ke hotel...	Imbuhan awalan

### C. Kesalahan Kata Hubung

Jadual 9 menunjukkan bahawa dua (2) orang PK dari SK melakukan kesalahan penggunaan kata hubung dalam penulisan ayat karangan berbanding seorang sahaja guru SJKC. Menurut dapatan kajian, PK2 dari SK melakukan kesalahan kata hubung pancangan 'untuk' dalam penulisan ayat iaitu 'cikgu mengumumkan untuk bergerak ke dewan untuk membina khemah'. Kesalahan yang dikesan menerusi ayat ini ialah penggunaan kata hubung pancangan 'untuk' sebanyak dua (2) kali yang menyebabkan ketidakgramatisan ayat yang dihasilkan. Ayat yang lebih gramatis ialah 'cikgu mengumumkan untuk bergerak ke dewan lalu membina khemah'. PK2 boleh menggantikan 'untuk' kepada 'lalu' bagi menjelaskan tindakan seterusnya yang akan dijalankan selepas bergerak ke dewan.

Seterusnya, PK4 dari SK pula melakukan kesalahan kata hubung gabungan, iaitu 'dan'. Ayat yang dihasilkan oleh PK4 ialah 'mengemas

barang dan terus pergi balik'. Kata hubung gabungan 'dan' adalah menunjukkan benda yang berkaitan dan berkonsep sama atau dua orang individu dalam menjalankan tindakan secara bersama-sama. Justeru, PK4 hendak menyampaikan maksud mengemaskan barang, balik ke rumah. Justeru, kata hubung yang lebih sesuai menyampaikan makna tersebut adalah 'lalu'.

Bagi murid SJKC, PK10 juga melakukan kesalahan kata hubung gabungan yang sama, iaitu 'dan'. Ayat yang dihasilkan ialah 'kami berkemas barang-barang pergi ke hotel dan kami pergi pakai bus ke hotel'. Justeru, kata hubung yang lebih sesuai dan menjadikan ayat lebih gramatis serta tidak tergantung ialah penggunaan kata hubung 'lalu', iaitu 'kami berkemas barang-barang pergi ke hotel lalu kami pergi pakai bus ke hotel'.

JADUAL 9: Kesalahan kata hubung

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Kata Hubung	Jenis Kesalahan
PK2	SK	...cikgu mengumumkan untuk bergerak ke dewan untuk membina khemah...	Kata hubung pancangan
PK4	SK	...mengemas barang dan terus pergi balik...	Kata hubung gabungan
PK10	SJKC	...kami berkemas barang-barang pergi ke hotel dan kami pergi pakai bus ke hotel...	Kata hubung gabungan

#### D. Kesalahan Pemilihan Kata

Berdasarkan Jadual 10, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan pemilihan kata merupakan antara kesalahan leksikal yang ketara dalam penulisan murid daripada aliran SK dan SJKC. Kesalahan ini merangkumi penggunaan kata yang tidak tepat dari segi makna, konteks, laras bahasa dan kolokasi, walaupun struktur ayat secara umumnya dapat difahami. Fenomena ini mencerminkan tahap penguasaan kosa kata yang masih terhad serta kecenderungan murid menggunakan kata umum atau kata harian tanpa mengambil kira kesesuaian konteks formal penulisan.

Bagi murid aliran SK, kesalahan pemilihan kata didapati banyak melibatkan penggunaan kata kerja umum yang tidak tepat. Contohnya, penggunaan kata “*digalakkan*” dalam ayat “*Kami digalakkan untuk mengambil sarapan di kentin*” menunjukkan kekeliruan dari segi makna pragmatik kerana kata tersebut lebih sesuai digunakan dalam konteks nasihat atau kempen rasmi. Kata yang lebih tepat ialah “*disarankan*” atau “*dinasihatkan*”. Kesalahan ini memperlihatkan ketidakupayaan murid membezakan nuansa makna antara kata yang hampir sama maknanya.

JADUAL 10: Kesalahan pemilihan kata

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Pemilihan Kata	Jenis Kesalahan
PK2	SK	Kami <b>digalakkan</b> untuk mengambil sarapan di kentin.	Penggunaan kata ‘digalakkan’
PK2	SK	...cikgu mengumumkan untuk bergerak ke dewan untuk <b>membina</b> khemah	Penggunaan kata ‘membina’
PK2	SK	...berkumpul untuk <b>membuat</b> aktiviti-aktiviti contohnya...	Penggunaan kata ‘membuat’
PK3	SK	...ada tiga kumpulan guru <b>bagi kerja</b> yang tersebut	Penggunaan kata ‘bagi’ dan ‘kerja’
PK3	SK	...berpuas hati kerana kami <b>buat</b> jamuan di padang	Penggunaan kata ‘buat’
PK4	SK	Suasana di pantai itu sangat <b>cantik</b> .	Penggunaan kata ‘cantik’
PK4	SK	Seorang Ibu sedang mengambar anaknya yang <b>membuat</b> istana pasir.	Penggunaan kata ‘membuat’
PK7	SJKC	...supaya saya tidak tenggelam <b>bila</b> saya berenang	Penggunaan kata ‘bila’
PK7	SJKC	...semua murid bersama-sama <b>memberitahu</b> guru Selamat Hari Guru	Penggunaan kata ‘memberitahu’
PK7	SJKC	Guru besar pergi ke pentas	Penggunaan kata ‘pergi’
PK10	SJKC	...kami pun mengambil gambar menjadi <b>hadiah</b>	Penggunaan kata ‘hadiah’

Penggunaan kata “*membina*” dalam ayat “*bergerak ke dewan untuk membina khemah*” dan penggunaan kata “*membuat*” dalam beberapa ayat lain menunjukkan kecenderungan murid menggunakan kata kerja serba guna. Dalam konteks tersebut, kata “*mendirikan khemah*” dan “*menjalankan aktiviti*” adalah lebih tepat. Hal ini membuktikan bahawa murid kurang menguasai kolokasi bahasa Melayu yang

lazim digunakan dalam situasi tertentu. Kesalahan pemilihan kata turut melibatkan penggunaan kata sendi dan kata nama yang tidak sesuai, seperti dalam ayat “*ada tiga kumpulan guru bagi kerja yang tersebut*”. Penggunaan kata “*bagi*” dan “*kerja*” dalam ayat ini menimbulkan ketaksaan makna dan ketidakgramatisan. Sepatutnya, ayat tersebut menggunakan frasa “*untuk tugas tersebut*” atau “*bagi*

*menjalankan tugas tersebut*". Kesalahan ini mencerminkan kelemahan murid dalam memilih kata formal yang sesuai dengan laras penulisan.

Penggunaan kata adjektif yang terlalu umum seperti "*cantik*" dalam ayat "*Suasana di pantai itu sangat cantik*" menunjukkan keterbatasan kosa kata deskriptif murid. Walaupun kata tersebut tidak salah dari segi tatabahasa, namun dari sudut penulisan akademik dan deskriptif, penggunaan kata yang lebih spesifik seperti "*indah*", "*menenangkan*" atau "*mempesona*" adalah lebih sesuai. Hal ini memperlihatkan tahap penguasaan kosa kata yang masih asas.

Dalam kalangan murid SJKC pula, kesalahan pemilihan kata didapati lebih ketara melibatkan pengaruh bahasa pertama dan terjemahan langsung. Contohnya, penggunaan kata "*memberitahu*" dalam ayat "*...semua murid bersama-sama memberitahu guru Selamat Hari Guru*" menunjukkan terjemahan literal daripada bahasa ibunda. Dalam konteks tersebut, kata "*mengucapkan*" adalah lebih tepat. Kesalahan ini mencerminkan gangguan linguistik silang bahasa (*language interference*). Kesalahan yang sama turut dapat dilihat dalam penggunaan kata "*pergi*" dalam ayat "*Guru besar pergi ke pentas*". Walaupun ayat tersebut dapat difahami,

kata "*naik ke pentas*" lebih tepat dari segi konteks situasi rasmi. Hal ini menunjukkan murid masih bergantung kepada kosa kata asas dan belum menguasai ungkapan idiomatik atau frasa kontekstual dalam bahasa Melayu.

Penggunaan kata "*pakai bus*" dan "*ke hotel*" dalam ayat "*...kami pergi pakai bus ke hotel*" jelas memperlihatkan pengaruh struktur bahasa lain. Sepatutnya, kata "*menaiki bas*" dan "*ke hotel penginapan*" atau "*ke tempat penginapan*" digunakan bagi memastikan ketepatan makna dan kegramatisan ayat. Kesalahan ini membuktikan bahawa murid SJKC berhadapan dengan cabaran dalam pemilihan kata akibat perbezaan sistem bahasa antara bahasa Melayu dan bahasa ibunda mereka.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesalahan pemilihan kata berpunca daripada beberapa faktor utama, iaitu keterbatasan kosa kata, kurang pendedahan kepada laras bahasa formal, kecenderungan menggunakan kata umum, serta pengaruh bahasa ibunda khususnya dalam kalangan murid SJKC. Kesalahan ini, walaupun tidak menjejaskan kefahaman secara menyeluruh, namun memberi kesan terhadap ketepatan, keindahan dan kualiti penulisan murid dalam bahasa Melayu.

### E. Analisis Kesalahan Ayat

Secara umumnya, struktur ayat bermaksud susunan kata bagi membentuk satu binaan ayat yang lengkap serta bermakna. Menurut Siti Noridayu dan Hazlina (2023), ayat boleh terdiri dari satu kata atau sekelompok beberapa kata dan pengucapannya dimulai dan berakhir dengan senyap. Bahasa Melayu mempunyai pelbagai jenis aspek ayat, namun dalam kajian ini, pengkaji memperlihatkan aspek ayat kepada dua ggeris yang digunakan dalam sintaksis bahasa Melayu.

bahagian. Pertamanya, struktur ayat dari segi keterbalikan ayat yang berkait dengan susunan perkataan serta struktur ayat dari segi penyampaian makna. Keduanya, struktur ayat saduran, iaitu penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam sesuatu pembinaan ayat. Menurut Ugartini et al. (2021), struktur ayat saduran ialah pengaruh kata atau ayat bahasa In

JADUAL 14: Kekerapan keseluruhan kesalahan ayat

Jenis Kesalahan Ayat	Kekerapan Keseluruhan	
	SK	SJKC
1. Kesalahan struktur ayat	3	5
2. Kesalahan ayat saduran	0	2
<b>Jumlah Kesalahan</b>	<b>3</b>	<b>7</b>

#### *Kesalahan Struktur Ayat*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan struktur ayat merupakan antara kesalahan sintaksis yang ketara dalam penulisan murid daripada aliran Sekolah Kebangsaan (SK) dan

Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Kesalahan ini melibatkan susunan ayat yang tidak gramatis, keterbalikan makna, pengguguran unsur wajib ayat serta pembinaan ayat yang

dipengaruhi oleh terjemahan langsung daripada bahasa ibunda. Kesalahan struktur ayat ini bukan sahaja menjejaskan kejelasan makna, malah menggambarkan tahap penguasaan sintaksis bahasa Melayu yang masih lemah dalam kalangan murid. Dalam kalangan murid aliran SK, kesalahan struktur ayat dapat dilihat melalui ayat “*Di padang rakan-rakan menyertai program perkhemahan.*” Ayat ini memperlihatkan keterbalikan struktur ayat kerana frasa keterangan tempat diletakkan di

hadapan tanpa penandaan intonasi atau konteks yang jelas, menyebabkan makna ayat menjadi kurang mantap. Walaupun struktur tersebut tidak sepenuhnya salah dari sudut variasi ayat, namun dalam konteks penulisan murid, susunan subjek + predikat seperti “*Rakan-rakan menyertai program perkhemahan di padang*” adalah lebih jelas dan gramatis. Kesalahan ini menunjukkan murid kurang menguasai prinsip keutamaan susunan ayat dasar bahasa Melayu.

JADUAL 15: Kesalahan Struktur ayat

Peserta Kajian (PK)	Aliran Sekolah	Kesalahan Struktur Ayat	Jenis Kesalahan
PK3	SK	Di padang rakan-rakan menyertai program perkhemahan	Keterbalikan ayat dan makna
PK4	SK	Saya dan keluarga saya sedang pergi berkelah di pantai.	Terjemahan daripada bahasa ibunda
PK4	SK	Saya dan keluarga saya mengemas barang dan terus pergi balik.	Terjemahan daripada bahasa ibunda
PK6	SJKC	Saya berharap SJK(C) Bemban lagi mengadakan Sambutan Hari Guru.	Terjemahan daripada bahasa ibunda
PK7	SJKC	Saya dan berasa di perpustakaan sangat cantik dan kemas.	Terjemahan daripada bahasa ibunda
PK8	SJKC	Saya berharap boleh sambutan bulan kemerdekaan.	Makna
PK9	SJKC	Saya melihat murid-murid di dewan berdiri tegak	Terjemahan daripada bahasa ibunda
PK10	SJKC	...dapat makan ais cream dapan main dan macam-macam di situ	Makna dan terjemahan daripada bahasa ibunda

Pengaruh terjemahan daripada bahasa ibunda turut dapat dikenal pasti dalam ayat “*Saya dan keluarga saya sedang pergi berkelah di pantai*” serta “*Saya dan keluarga saya mengemas barang dan terus pergi balik.*” Penggunaan frasa “*sedang pergi*” dan “*pergi balik*” menunjukkan terjemahan literal daripada struktur bahasa lain yang tidak selaras dengan sistem sintaksis bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu standard, ayat yang lebih gramatis ialah “*Saya dan keluarga sedang berkelah di pantai*” dan “*Saya dan keluarga mengemas barang lalu pulang.*” Kesalahan ini mencerminkan kelemahan murid dalam menyesuaikan struktur ayat bahasa Melayu tanpa bergantung kepada pola bahasa ibunda. Dalam kalangan murid SJKC, kesalahan struktur ayat didapati lebih dominan dan pelbagai. Contohnya, ayat “*Saya berharap SJK(C) Bemban lagi mengadakan Sambutan Hari Guru*” memperlihatkan susunan ayat yang tidak lengkap dan terjemahan langsung daripada bahasa ibunda. Frasa “*lagi mengadakan*” tidak sesuai dari segi struktur dan makna. Ayat tersebut sepatutnya dibina sebagai “*Saya berharap SJK(C) Bemban akan mengadakan Sambutan Hari Guru lagi.*” Kesalahan ini menunjukkan murid menghadapi

kesukaran dalam menyusun unsur ayat mengikut tatabahasa bahasa Melayu.

Kesalahan struktur ayat yang lebih ketara dapat dilihat dalam ayat “*Saya dan berasa di perpustakaan sangat cantik dan kemas.*” Ayat ini memperlihatkan pengguguran unsur subjek dan kesalahan penyusunan predikat yang menyebabkan makna ayat menjadi kabur. Ayat tersebut sepatutnya dibina sebagai “*Saya berasa perpustakaan itu sangat cantik dan kemas*” atau “*Saya dan rakan-rakan berasa perpustakaan itu sangat cantik dan kemas.*” Kesalahan ini mencerminkan kelemahan murid dalam memahami hubungan antara subjek, predikat dan objek dalam pembinaan ayat. Selain itu, kesalahan makna turut dikenal pasti dalam ayat “*Saya berharap boleh sambutan bulan kemerdekaan.*” Ayat ini tidak gramatis kerana ketiadaan kata kerja yang sesuai serta struktur ayat yang tidak lengkap. Ayat yang lebih tepat ialah “*Saya berharap dapat menyertai sambutan Bulan Kemerdekaan.*” Kesalahan ini menunjukkan murid belum menguasai pembinaan ayat kompleks yang melibatkan kata kerja bantu dan kata kerja utama.

Pengaruh terjemahan bahasa ibunda turut dapat dilihat dalam ayat “*Saya melihat murid-*

*murid di dewan berdiri tegak.*” Walaupun ayat ini boleh diterima secara umum, struktur ayat tersebut lebih tepat jika dibina sebagai “*Saya melihat murid-murid berdiri tegak di dewan.*” Kesalahan ini menunjukkan ketidakpekaan murid terhadap susunan unsur ayat yang lebih lazim dalam bahasa Melayu standard. Kesalahan yang paling ketara dari segi makna dan struktur dapat dilihat dalam ayat “*...dapat makan ais cream dapan main dan macam-macam di situ.*” Ayat

ini tidak mempunyai subjek yang jelas, susunan kata tidak teratur serta memperlihatkan pengaruh bahasa ibunda yang kuat. Ayat tersebut sepatutnya dibina semula sebagai “*Kami dapat makan ais krim selepas bermain dan melakukan pelbagai aktiviti di situ.*” Kesalahan ini menunjukkan tahap penguasaan struktur ayat bahasa Melayu yang masih rendah dalam kalangan murid tertentu.

### ***Kesalahan Struktur Ayat Saduran***

Kesalahan struktur ayat saduran dikenal pasti dalam penulisan murid aliran SJKC. Kesalahan ini melibatkan penggunaan unsur bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris, dalam pembinaan ayat bahasa Melayu tanpa penyesuaian morfologi dan leksikal yang betul. Fenomena ini bukan sahaja menjejaskan kegramatisan ayat, malah mencerminkan pengaruh dwibahasa serta kekeliruan murid dalam membezakan sistem bahasa Melayu dengan bahasa asing. Dalam PK6, ayat “*...untuk guru-guru sambil disediakan ‘cake’ untuk cikgu...*” memperlihatkan penggunaan perkataan bahasa Inggeris “*cake*” secara langsung dalam struktur ayat bahasa Melayu. Penggunaan unsur asing ini menyebabkan ayat tersebut tidak sepenuhnya menepati ciri ayat saduran bahasa Melayu yang sepatutnya mengekalkan keseragaman bahasa. Perkataan “*cake*” seharusnya digantikan dengan padanan bahasa Melayu yang sesuai seperti “*kek*”. Kesalahan ini menunjukkan bahawa murid cenderung melakukan pencampuran kod (code-mixing) apabila berhadapan dengan kosa kata yang lebih lazim digunakan dalam bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian.

Selain itu, penggunaan perkataan bahasa Inggeris tanpa penyesuaian juga dapat dilihat dalam sampel 7 melalui senarai makanan seperti “*...mi goreng, nasi lemak, pizza hat, orange jus*”. Dalam konteks ini, perkataan “*pizza hat*” dan “*orange jus*” jelas merupakan terjemahan langsung atau pengekalan istilah bahasa Inggeris yang tidak disadur mengikut sistem bahasa Melayu. Sepatutnya, istilah tersebut ditulis sebagai “*Pizza Hut*” (jika merujuk kepada nama khas) atau “*piza*” dan “*jus oren*” sekiranya merujuk kepada jenis makanan dan minuman. Kesalahan ini menunjukkan murid kurang memahami prinsip penyaduran kata pinjaman, khususnya keperluan menyesuaikan ejaan, sebutan dan penggunaan istilah asing dalam bahasa Melayu. Kesalahan struktur ayat saduran ini juga memperlihatkan kecenderungan murid menyenaraikan perkataan tanpa menyepadukannya dalam struktur ayat bahasa Melayu yang lengkap dan gramatis. Hal ini menunjukkan bahawa murid belum menguasai sepenuhnya cara mengintegrasikan kata pinjaman atau istilah asing ke dalam ayat bahasa Melayu secara berkesan dan tepat.

JADUAL 16: Kesalahan struktur ayat saduran

<b>Peserta Kajian (PK)</b>	<b>Aliran Sekolah</b>	<b>Kesalahan Ayat Saduran</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>
PK6	SJKC	...untuk guru-guru sambil disediakan “ <i>cake</i> ” untuk cikgu...	Penggunaan perkataan inggeris
PK7	SJKC	...mi goreng, nasi lemak, <i>pizza hat</i> , orange jus...	Penggunaan perkataan inggeris

### **Faktor Kesalahan Bahasa**

Tema kedua akan menghuraikan faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya kesalahan bahasa dalam penulisan karangan murid yang menggunakan bahasa Melayu sebagai B2. Hasil temu bual bersama tiga orang guru Bahasa Melayu di SK dan SJKC menunjukkan bahawa

kesalahan bahasa bukanlah berpunca daripada kelemahan tatabahasa, tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah pengaruh B1, kekangan kosa kata dan pendedahan terhadap bahasa, serta kurangnya motivasi dan bahan rujukan yang

terhad. Kesemua faktor ini saling berkaitan dan mempengaruhi tahap keupayaan murid untuk menghasilkan ayat dan karangan yang gramatis dalam Bahasa Melayu standard. Seramai tiga orang guru bahasa Melayu ditemu bual. Dua orang guru SK dan seorang guru SJKC. Ketiga-

tiga menyentuh kelima-lima subtema dalam jawapan masing-masing. Oleh itu, semua peserta kajian menunjukkan keseragaman pandangan terhadap faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa murid-murid SK dan SJKC.

JADUAL 17: Faktor-faktor kesalahan bahasa

Tema	Subtema	Peserta Kajian (Guru)			Jumlah
		G1 SK	G2 SK	G3 SJKC	
Faktor Kesalahan Bahasa	1. Pengaruh bahasa pertama terhadap kesalahan bahasa	/	/	/	3
	2. Persekitaran linguistik rumah dan sekolah	/	/	/	3
	3. Kekangan kosa kata dan pendedahan bahasa	/	/	/	3
	4. Motivasi murid	/	/	/	3
	5. Bahan rujukan	/	/	/	3

### ***Faktor Pengaruh Bahasa Pertama***

Ketiga-tiga guru yang ditemu bual sependapat bahawa B1 memainkan peranan besar dalam menyebabkan kesalahan bahasa dalam penulisan bahasa Melayu. Penggunaan struktur dan pola ayat daripada bahasa ibunda seperti bahasa Mandarin dan bahasa Tamil sering diterapkan oleh murid semasa menulis karangan bahasa Melayu. Ketiga-tiga peserta kajian menegaskan:

- G1: Ya, sangat memberi kesan. Struktur dan sistem tatabahasa dalam bahasa Mandarin dan bahasa Melayu amat berbeza. Murid sering menerapkan pola ayat dan susunan kata Mandarin dalam penulisan bahasa Melayu. Contohnya, mereka sering meletakkan subjek di hadapan tanpa kata sendi atau imbuhan yang betul.

- G2: Situasi yang berlaku dalam kalangan murid saya adanya menterjemahkan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu semasa membina ayat dalam karangan. Contoh kesalahan ayatnya ialah: Saya di kantin makan.
- G3: Ya, memang ada. Selalunya murid akan tulis ikut cara mereka bercakap dekat rumah. Jadi kalau bahasa pertama mereka bukan bahasa Melayu baku, struktur ayat dan ejaan pun kadang-kadang '*terseret*' sekali. Contohnya, mereka eja ikut bunyi atau guna susunan ayat macam dalam bahasa ibunda.

Daripada petikan ini dapat disimpulkan bahawa kesalahan struktur dan imbuhan dalam penulisan murid banyak dipengaruhi oleh pemindahan unsur linguistik daripada B1.

### ***Faktor Persekitaran Linguistik Rumah dan Sekolah***

Kekurangan pendedahan kepada bahasa Melayu di luar bilik darjah menghalang murid daripada memperkayakan kosa kata mereka secara semula jadi melalui interaksi sosial. Misalnya G2 menjelaskan bahawa keterbatasan kosa kata menyebabkan murid sukar membina ayat dengan tepat dan lancar:

- G2: *Tahap penguasaan kosa kata yang dimiliki oleh murid adalah terhad. Justeru, ia secara tidak langsung mengakibatkan kemahiran menulis yang dikuasai oleh murid hanya pada tahap memuaskan sahaja.*

Apabila murid tidak didedahkan dengan model bahasa yang betul dan tidak digalakkan oleh persekitaran, mereka kehilangan minat serta

motivasi untuk memperbaiki kesalahan bahasa dalam karangan. Hal ini dikatakan oleh G1 yang menekankan hubungan antara pendedahan, minat dan kemahiran menulis di rumah boleh mempengaruhi kesalahan bahasa murid bukan penutur natif dalam penulisan bahasa Melayu.

- G1: Di rumah, murid lebih banyak menggunakan bahasa ibunda bersama ibu bapa dan rakan sebaya. Di sekolah pula, komunikasi harian juga lebih dominan dalam Mandarin, menjadikan masa untuk berlatih Bahasa Melayu sangat terhad. Hal ini menyebabkan kemahiran menulis mereka lambat berkembang.

### ***Faktor Kekangan Kosakata dan Pendedahan Bahasa***

Kekangan kosakata dan tahap pendedahan terhadap Bahasa Melayu standard dikenal pasti sebagai faktor penting yang menyumbang kepada kesalahan bahasa dalam penulisan murid. Berdasarkan temu bual, ketiga-tiga guru menjelaskan bahawa kelemahan murid dalam penguasaan kosakata dan kurangnya pendedahan kepada bahasa baku menyebabkan murid sering menggunakan perkataan yang salah, terjemahan langsung, atau struktur ayat yang tidak tepat.

- G1: Tahap penguasaan Bahasa Melayu murid adalah sederhana dan tidak seimbang antara kemahiran lisan dan penulisan. Murid lebih mudah memahami dan bertutur dalam situasi harian tetapi sukar menggunakan struktur ayat yang betul dalam penulisan. Kesalahan sering berlaku dalam aspek imbuhan, penjodoh bilangan, dan struktur ayat kerana menggunakan struktur bahasa ibunda (B1) masing-masing.

G1 turut menyatakan bahawa kekangan kosakata berpunca daripada pendedahan yang terhad terhadap bahasa baku di luar kelas:

- G1: Murid SJKC banyak menggunakan Mandarin dalam komunikasi harian. Oleh itu, murid SJKC banyak membuat

kesalahan tatabahasa dan ejaan, serta kurang fasih bertutur kerana pendedahan kepada bahasa Melayu adalah terhad kepada waktu PdP sahaja.

Kekangan kosakata bukan sahaja menjejaskan keupayaan murid menghasilkan ayat gramatis, malah menghalang mereka daripada mengekspresikan isi karangan secara bermakna dan tersusun. G3 turut menyentuh tentang pendedahan bahasa yang terhad dan kecenderungan murid menggunakan bahasa pasar:

- G3: Persekitaran memang bagi kesan besar. Kalau dekat rumah kurang guna bahasa Melayu, murid kurang dengar contoh ayat yang betul. Di sekolah pula, ramai murid lebih selesa guna bahasa pasar bila berbual, jadi bila menulis pun gaya itu terbawa-bawa.

G3 turut menyatakan bahawa kurangnya pendedahan kepada bahan bacaan bahasa Melayu menyebabkan murid kekal pada tahap kosakata asas dan cenderung menulis mengikut sebutan pertuturan harian. Dalam hal ini, kekurangan sumber bacaan dan peluang berkomunikasi dalam bahasa Melayu formal memperlahankan perkembangan leksikal murid bukan penutur jati.

### ***Faktor Motivasi Murid***

Motivasi murid memainkan peranan penting dalam mempengaruhi keupayaan mereka menguasai kemahiran menulis Bahasa Melayu dengan betul. Dapatan temu bual menunjukkan bahawa murid yang mempunyai tahap motivasi rendah terhadap penulisan cenderung melakukan kesalahan bahasa yang berulang, manakala minat yang tinggi dapat membantu meningkatkan ketepatan dan struktur ayat. G2 secara jelas menegaskan bahawa kekurangan motivasi merupakan antara faktor utama yang menyebabkan murid sukar menguasai penulisan dengan baik:

- G2: Persekitaran linguistik murid yang kurang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar secara sememangnya akan mempengaruhi penguasaan kemahiran menulis. Antaranya disebabkan sistem bahasa yang berbeza

Kenyataan ini menggambarkan bahawa tahap motivasi murid menurun apabila mereka

antara bahasa pengantar dan bahasa kedua (bahasa Melayu). Motivasi dan minat untuk menulis juga akan terjejas.

G2 juga menjelaskan bahawa kekurangan motivasi ini berpunca daripada latar linguistik dan pendedahan bahasa yang terhad. Murid yang kurang mendengar atau menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupan harian akan berasa rendah diri dan tidak yakin untuk menulis ayat dengan betul. G3 turut berkongsi pandangan bahawa motivasi murid amat bergantung pada pendekatan guru serta suasana pembelajaran:

- G3: Persekitaran memang bagi kesan besar. Kalau dekat rumah kurang guna Bahasa Melayu, murid kurang dengar contoh ayat yang betul. Di sekolah pula, ramai murid lebih selesa guna bahasa pasar bila berbual, jadi bila menulis pun gaya itu terbawa-bawa.

jarang berinteraksi menggunakan bahasa Melayu standard, menyebabkan mereka sukar memahami

dan mengaplikasikan tatabahasa dalam konteks sebenar.

### ***Faktor Bahan Rujukan***

Guru-guru peserta kajian menegaskan bahawa bahan rujukan yang digunakan dalam PdP memainkan peranan besar dalam membantu atau menghalang penguasaan tatabahasa dan kemahiran menulis murid. Berdasarkan temu bual, didapati bahawa bahan rujukan yang bersifat umum dan tidak kontekstual menyebabkan murid sukar memahami bentuk bahasa yang betul serta mengulangi kesalahan yang sama dalam penulisan. G1 menegaskan bahawa bahan rujukan sedia ada masih belum disesuaikan dengan keperluan murid bukan penutur jati bahasa Melayu. G1 juga menekankan keperluan bahan rujukan yang lebih bersifat kontekstual, praktikal, dan berfokus kepada latihan tatabahasa serta bina ayat yang sesuai dengan tahap keupayaan murid SJKC. Kelemahan bahan sedia ada menyebabkan murid hanya menghafal bentuk ayat tanpa memahami penggunaannya. G1 menjelaskan:

- G1: Bahan rujukan yang disediakan masih bersifat umum dan tidak cukup disesuaikan untuk murid bukan penutur jati. Latihan yang ada dalam buku teks tidak mencukupi untuk mengatasi kesalahan yang berulang. Oleh itu, guru perlu menyediakan latihan tambahan yang berfokus kepada struktur ayat dan penggunaan imbuhan dengan contoh.

G2 pula menyatakan bahawa bahan rujukan yang digunakan perlu direka bentuk dengan lebih menarik bagi membantu murid menguasai

kemahiran menulis dengan baik. G2 turut berpendapat bahawa bahan rujukan yang bersifat tempatan dan disesuaikan dengan kelemahan sebenar murid lebih berkesan daripada buku teks umum, kerana ia membantu mengurangkan kesalahan imbuhan dan kesalahan struktur ayat. Beliau menjelaskan:

- G2: Bahan rujukan yang digunakan adalah modul pintar menulis yang dihasilkan oleh guru sendiri. Guru juga akan menggunakan teknik menulis dalam membantu murid menguasai kemahiran menulis dengan baik. Dengan adanya teknik, murid tidak berasa terlalu beban kognitif.

G3 turut memberikan pandangan bahawa bahan rujukan perlu dipelbagaikan dan tidak hanya bergantung pada buku teks. Guru ini menegaskan bahawa bahan bacaan tambahan, latihan pembetulan ayat, dan aktiviti menulis kontekstual lebih membantu murid memahami peraturan tatabahasa secara bermakna berbanding penghafalan mekanikal.

- G3: Bahan yang ada tu okay, cuma kadang-kadang tak cukup kalau murid hanya ikut apa dalam buku teks. Mereka perlukan latihan yang lebih variasi macam aktiviti baiki ayat salah, latihan ejaan, atau menulis ikut situasi sebenar. Contoh karangan yang baik dan latihan tambahan pun banyak membantu.

### **PERBINCANGAN**

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berdasarkan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti jenis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D UASA murid Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) bukan penutur jati, serta mengenal

pasti faktor-faktor yang menyebabkan murid melakukan kesalahan bahasa tersebut. Perbincangan ini seterusnya dikaitkan dengan Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1967) dan Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957) bagi menjelaskan fenomena linguistik yang berlaku.

#### **Jenis Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahagian D UASA**

Berdasarkan dapatan kajian, analisis penulisan karangan Bahagian D UASA mendapati bahawa murid SK dan SJKC bukan penutur jati melakukan pelbagai jenis kesalahan bahasa yang melibatkan aspek ejaan dan tanda baca, sintaksis dan struktur ayat, serta morfologi dan penggunaan imbuhan. Kesalahan-kesalahan ini

berlaku secara konsisten dan berulang, sekali gus menunjukkan bahawa murid masih menghadapi kesukaran dalam menguasai sistem bahasa Melayu standard secara menyeluruh.

Dari segi kesalahan ejaan dan tanda baca, dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan ini merupakan antara kesalahan yang paling

dominan dalam penulisan karangan murid, khususnya dalam kalangan murid SJKC. Murid didapati kerap melakukan kesalahan ejaan seperti pengguguran huruf, penambahan huruf dan ejaan berdasarkan sebutan lisan. Selain itu, penggunaan tanda baca seperti noktah dan koma sering diabaikan, menyebabkan ayat yang ditulis menjadi panjang dan sukar difahami. Keadaan ini sejajar dengan dapatan temu bual guru yang menyatakan bahawa murid menulis ayat tanpa henti dan tidak memisahkan idea dengan tanda baca yang betul. Menurut Corder (1967), kesalahan sebegini tergolong sebagai *errors* yang mencerminkan sistem *interlanguage* murid, iaitu satu sistem bahasa sementara yang terbentuk apabila murid mempelajari B2. Kesalahan ini berlaku secara sistematik dan menunjukkan bahawa murid belum menguasai sepenuhnya peraturan ejaan dan konvensi penulisan bahasa Melayu.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kesalahan sintaksis dan struktur ayat yang ketara dalam penulisan murid. Murid didapati menghasilkan ayat yang tidak lengkap, susunan ayat yang terbalik serta ayat yang dipengaruhi oleh struktur bahasa ibunda (B1). Kesalahan ini lebih ketara dalam kalangan murid SJKC, yang cenderung menterjemah secara langsung struktur ayat bahasa Mandarin atau bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, murid sering menggugurkan subjek atau menghasilkan ayat yang tidak gramatis dari segi susunan predikat. Fenomena ini boleh dijelaskan melalui Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957) yang menyatakan bahawa perbezaan struktur antara B1 dan bahasa sasaran (B2 atau B3) akan menyebabkan gangguan bahasa (*language interference*). Bahasa Mandarin, misalnya, mempunyai susunan ayat dan ciri sintaksis yang berbeza daripada bahasa Melayu, menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk menyesuaikan struktur ayat bahasa Melayu dengan tepat. Dapatan kajian ini turut disokong oleh kajian-kajian lepas yang mendapati murid bukan penutur jati sering menghadapi masalah dalam pembinaan ayat gramatis akibat pemindahan struktur bahasa ibunda. Kesalahan struktur ayat yang berulang menunjukkan bahawa murid

masih berada pada tahap *interlanguage* yang belum stabil dan memerlukan pendedahan serta latihan yang lebih berfokus.

Kesalahan morfologi dan penggunaan imbuhan turut dikenal pasti sebagai kesalahan yang signifikan dalam penulisan karangan murid. Murid didapati kerap menggugurkan imbuhan, menggunakan imbuhan yang tidak sesuai atau menggunakan kata dasar tanpa sebarang perubahan morfologi. Kesalahan ini berlaku kerana murid belum memahami fungsi imbuhan dalam bahasa Melayu, terutamanya perubahan makna dan peranan imbuhan dalam ayat. Menurut Corder (1967), kesalahan morfologi ini merupakan manifestasi perkembangan bahasa murid yang masih bergantung kepada hipotesis bahasa yang tidak lengkap. Murid membina peraturan sendiri berdasarkan input yang terhad, lalu menghasilkan kesalahan yang berulang dalam penulisan.

Dalam konteks murid SJKC bukan penutur jati, kesalahan imbuhan ini juga boleh dijelaskan melalui Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957). Bahasa Mandarin tidak mempunyai sistem imbuhan seperti bahasa Melayu, menyebabkan murid menghadapi kesukaran untuk memahami konsep pengimbuhan dan fungsinya. Akibatnya, murid cenderung menggunakan kata dasar secara langsung tanpa imbuhan, atau menggunakan imbuhan secara rawak tanpa memahami kesesuaiannya dalam ayat.

Secara keseluruhan, dapatan kajian bagi Objektif 1 menunjukkan bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D UASA melibatkan pelbagai aras linguistik dan berlaku secara sistematik dalam kalangan murid SK dan SJKC bukan penutur jati. Kesalahan ejaan, tanda baca, struktur ayat dan imbuhan bukan sahaja mencerminkan kelemahan penguasaan bahasa, malah menunjukkan proses perkembangan *interlanguage* murid. Oleh itu, dapatan ini menegaskan kepentingan penggunaan analisis kesalahan sebagai asas kepada perancangan pengajaran bahasa yang lebih berfokus dan kontekstual bagi membantu murid bukan penutur natif ini meningkatkan kemahiran penulisan bahasa Melayu secara berkesan.

### **Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Kesalahan Bahasa dalam Penulisan Karangan Bahagian D UASA**

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa faktor utama dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D UASA dalam kalangan murid SK dan SJKC bukan penutur jati. Faktor-faktor

tersebut merangkumi pengaruh B1, kekangan kosa kata dan beban kognitif, persekitaran linguistik dan pendedahan bahasa, motivasi murid serta maklum balas guru, dan kekurangan bahan rujukan. Kesemua faktor ini saling berkait

dan memberi kesan langsung terhadap keupayaan murid menghasilkan penulisan yang gramatis dan bermakna.

Faktor utama yang dikenal pasti ialah pengaruh B1. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid bukan penutur jati cenderung memindahkan struktur ayat, susunan frasa dan makna daripada bahasa ibunda (B1) ke dalam bahasa Melayu (B2). Murid sering menterjemah secara langsung ayat daripada bahasa Mandarin atau bahasa Inggeris, menyebabkan berlakunya kesalahan struktur ayat dan ayat tidak gramatis. Fenomena ini sejajar dengan Teori Analisis Kontrastif oleh Lado (1957) yang menyatakan bahawa perbezaan struktur antara B1 dan bahasa sasaran (B2 atau B3) akan menimbulkan gangguan bahasa (*language interference*). Kajian-kajian terkini turut menyokong dapatan ini apabila mendapati murid SJKC menghadapi kesukaran menguasai struktur ayat bahasa Melayu kerana perbezaan sistem sintaksis dan morfologi antara bahasa Mandarin dan bahasa Melayu.

Kekangan kosa kata dan beban kognitif turut dikenal pasti sebagai faktor penting yang menyumbang kepada kesalahan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan murid mempunyai perbendaharaan kata yang terhad, menyebabkan mereka sukar menzahirkan idea secara tepat dan jelas. Kekangan ini mendorong murid menggunakan kosa kata yang sama secara berulang, mencampur aduk bahasa atau menghasilkan ayat yang ringkas dan tidak lengkap. Dari sudut Teori Analisis Kesalahan oleh Corder (1967), kesalahan ini mencerminkan tahap interlanguage murid yang masih belum stabil akibat input bahasa yang terhad. Beban kognitif yang tinggi ketika merancang isi, memilih kosa kata dan membina ayat secara serentak turut menyebabkan murid melakukan kesalahan tatabahasa dalam penulisan. Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menyatakan bahawa murid bukan penutur jati sering mengalami kesukaran memproses maklumat linguistik apabila penguasaan kosa kata masih rendah.

Persekitaran linguistik dan pendedahan bahasa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kualiti penulisan murid. Dapatan kajian mendapati murid kurang menggunakan bahasa Melayu standard di rumah dan persekitaran sosial, sebaliknya lebih banyak menggunakan bahasa ibunda (B1) atau bahasa Inggeris. Akibatnya, murid hanya terdedah kepada bahasa Melayu semasa waktu PdP di sekolah, yang tidak mencukupi untuk membina penguasaan bahasa yang mantap. Keadaan ini menyokong pandangan Corder (1967) bahawa

input linguistik yang terhad akan memperlambatkan perkembangan interlanguage murid, seterusnya menyebabkan kesalahan bahasa terus berulang. Kajian terkini juga menunjukkan bahawa murid yang kurang terdedah kepada bahasa sasaran dalam konteks autentik cenderung menghasilkan penulisan yang lemah dari segi struktur dan ketepatan bahasa.

Motivasi murid dan maklum balas guru turut dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan murid yang kurang bermotivasi cenderung menulis secara minimum dan tidak berusaha membetulkan kesalahan bahasa yang dilakukan. Kekurangan maklum balas yang spesifik dan berfokus terhadap kesalahan bahasa menyebabkan murid tidak menyedari kesalahan sebenar dalam penulisan mereka. Dari perspektif Teori Analisis Kesalahan, maklum balas guru merupakan elemen penting untuk membantu murid menyemak, membetulkan dan memperhalus hipotesis bahasa yang dibina. Kajian lepas turut mendapati bahawa maklum balas pembetulan yang jelas dan berterusan dapat membantu murid meningkatkan ketepatan bahasa dan mengurangkan kesalahan berulang dalam penulisan.

Kekurangan bahan rujukan dan pendekatan kontrastif dalam pengajaran turut menyumbang kepada kesalahan bahasa murid. Dapatan kajian menunjukkan murid tidak mempunyai akses yang mencukupi kepada bahan rujukan bahasa Melayu seperti kamus, contoh karangan berkualiti dan bahan latihan berperingkat. Pengajaran bahasa yang kurang menekankan perbandingan antara bahasa ibunda murid dan bahasa Melayu menyebabkan murid sukar memahami perbezaan struktur bahasa dengan jelas. Menurut Lado (1957), pendekatan kontrastif dapat membantu murid mengenal pasti perbezaan dan persamaan antara bahasa, seterusnya mengurangkan kesalahan akibat pemindahan bahasa pertama. Kajian terkini turut menyokong penggunaan pendekatan kontrastif sebagai strategi berkesan dalam pengajaran bahasa kepada murid bukan penutur jati.

Secara keseluruhan, dapatan kajian bagi Objektif 2 menunjukkan bahawa kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D UASA berpunca daripada gabungan faktor linguistik, kognitif dan persekitaran. Pengaruh B1, kekangan kosa kata, pendedahan bahasa yang terhad, motivasi murid, maklum balas guru serta kekurangan bahan rujukan saling mempengaruhi dan memperkukuh kesalahan bahasa murid bukan penutur natif ini. Oleh itu, pemahaman terhadap faktor-faktor ini amat penting bagi membolehkan guru merancang

intervensi pengajaran yang lebih berfokus, berasaskan teori Analisis Kesalahan dan Analisis Kontrastif, bagi meningkatkan kemahiran

penulisan bahasa Melayu murid bukan penutur jati secara berkesan.

### IMPLIKASI KAJIAN

Bahagian ini membincangkan implikasi kajian lanjutan yang timbul hasil daripada analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan Bahagian D Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu sebagai B2 dalam kalangan murid SK dan SJKC. Dapatan kajian bukan sahaja memberikan gambaran tentang jenis dan corak kesalahan bahasa yang dilakukan oleh murid, tetapi turut memberi kesedaran terhadap faktor linguistik, pedagogi dan persekitaran yang mempengaruhi penguasaan bahasa mereka. Implikasi kajian ini dilihat signifikan kepada tiga pihak utama, iaitu murid, guru dan sekolah, yang masing-masing memainkan peranan penting dalam memperkukuh kecekapan berbahasa Melayu dalam konteks pendidikan dwibahasa.

1. Implikasi terhadap Murid: Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesedaran linguistik murid perlu dipertingkatkan melalui pendedahan berterusan terhadap struktur bahasa yang betul. Murid perlu didedahkan kepada latihan mengenal pasti dan membetulkan kesalahan sendiri agar mereka lebih peka terhadap penggunaan imbuhan, struktur ayat dan tanda baca. Menurut Mohd Azhar dan Siti Nor Aini (2023), latihan analisis kesalahan membantu meningkatkan keupayaan metalinguistik murid serta membina kecekapan tatabahasa secara sendiri. Selain itu, pendekatan pengajaran yang bersifat interaktif dan visual dapat meningkatkan motivasi serta keyakinan murid untuk menulis dengan lebih baik, selaras dengan dapatan Nor Aini dan Zamri (2021) yang menegaskan bahawa pendedahan berterusan terhadap Bahasa Melayu standard mampu meningkatkan penguasaan murid bukan penutur jati.
2. Implikasi terhadap Guru: Bagi guru, kajian ini memberikan panduan konkrit untuk

merancang strategi PdP yang berfokus kepada kesalahan sebenar murid. Guru boleh menggunakan hasil analisis kesalahan sebagai asas dalam merancang pengajaran tatabahasa berbentuk diagnostik dan pemulihan. Hal ini selari dengan cadangan Zamri (2022) bahawa analisis kesalahan perlu dijadikan instrumen pengajaran formatif bagi menilai keperluan sebenar murid. Selain itu, guru digalakkan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang bersifat kontekstual dan berasaskan teknologi seperti aplikasi interaktif tatabahasa serta aktiviti gamifikasi yang dapat menarik minat murid. Abdul Rasid dan Noor Aina (2020) turut menegaskan bahawa bahan visual dan aktiviti pembelajaran aktif dapat memperkukuh kefahaman struktur bahasa murid.

3. Implikasi terhadap Sekolah: Dari perspektif sekolah, dapatan kajian ini memberi asas untuk memperkukuh pelaksanaan program peningkatan penguasaan Bahasa Melayu seperti Klinik Karangan, Kem Bahasa, atau Program Literasi Bahasa Kedua. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan rujukan untuk pelaksanaan Bengkel Profesionalisme Guru (CPD) yang menumpukan kepada kemahiran menganalisis dan membimbing murid dalam aspek tatabahasa dan penulisan. KPM (2023) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 menegaskan kepentingan intervensi berasaskan data dalam meningkatkan kemahiran literasi dan komunikasi murid. Oleh itu, sekolah perlu memainkan peranan aktif dalam menyokong guru serta menyediakan ruang pembelajaran bahasa yang kondusif dan kaya dengan input linguistik.

### KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya menghuraikan jenis, corak dan faktor kesalahan bahasa yang berlaku dalam penulisan karangan Bahagian D Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan (SK) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Hasil analisis mendapati bahawa

kesalahan bahasa murid tertumpu kepada tiga aspek utama, iaitu morfologi dan imbuhan, sintaksis dan struktur ayat, serta ejaan dan tanda baca. Kesalahan ini menunjukkan bahawa penguasaan murid terhadap tatabahasa bahasa Melayu sebagai bahasa kedua (B2) masih belum

kukuh dan memerlukan pendekatan pedagogi yang lebih sistematik serta berfokus.

Kajian ini turut membuktikan bahawa faktor pengaruh bahasa pertama, (B1) kekangan kosa kata, persekitaran linguistik, motivasi murid, dan bahan rujukan yang terhad merupakan penyumbang utama kepada kesalahan bahasa. Dapatan ini selaras dengan teori Analisis Kesalahan (Corder, 1967) yang menegaskan bahawa kesalahan bahasa bukan semata-mata kelemahan, tetapi petunjuk kepada proses pembelajaran yang sedang berlaku. Oleh itu, analisis kesalahan boleh dijadikan asas untuk merancang intervensi pengajaran yang lebih efektif dan relevan dengan keperluan murid dwibahasa.

Dari segi implikasi, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada tiga pihak utama. Bagi murid, dapatan kajian membantu meningkatkan kesedaran linguistik dan kemahiran menulis dengan betul. Bagi guru, kajian ini menjadi panduan untuk merancang PdP tatabahasa berbentuk diagnostik,

menggunakan bahan bantu mengajar yang kontekstual, serta melaksanakan penilaian berasaskan data. Bagi pihak sekolah, hasil kajian ini dapat dijadikan asas untuk merancang program peningkatan bahasa dan pembangunan profesional guru dalam memperkukuh pengajaran bahasa Melayu sebagai B2.

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa keberkesanan pengajaran bahasa Melayu perlu berasaskan analisis kesalahan sebenar murid, penggunaan strategi PdP interaktif, dan sokongan berterusan daripada pihak sekolah. Dengan pendekatan holistik yang menggabungkan pembelajaran aktif, pemantauan berasaskan bukti, serta inovasi pedagogi seperti gamifikasi dan aplikasi digital tatabahasa, penguasaan bahasa murid bukan penutur jati dapat dipertingkatkan secara beransur dan berterusan. Kajian ini diharapkan menjadi asas kepada penyelidikan dan amalan pendidikan masa hadapan yang lebih tuntas dalam memperkukuh literasi bahasa Melayu di sekolah pelbagai aliran di Malaysia.

## PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, tajaan atau bantuan kewangan.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Siti Hajar Abdul Rahman. 2021. Keberkesanan pendekatan penulisan berpandu dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(2): 21–37.
- Chintella Tengkok & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. 2023. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1).
- Corder, S. P. 1967. The significance of learners' errors. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 5(4): 161–170.
- Ellis, R. 2020. *Understanding Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Hasanah Adon, Rozita Che Rodi, Rohaidah Kamaruddin & Zuraini Jusoh. 2025. Kesalahan morfologi golongan kata: Satu tinjauan terhadap murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 29(1): 14–32.
- Hasnah Hassan. 2024. Mensintesis strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam pembelajaran murid: Satu tinjauan holistik. *Jurnal Melayu & Dunia* 17(2): 23–40.
- Hasnah Hassan. 2024. Kesalahan morfologi dan sintaksis dalam penulisan murid sekolah rendah: Analisis berdasarkan karangan UASA Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 14(1): 45–60.
- Kamarulzaman Abd. Ghani & Noraini Idris. 2021. Pendekatan didik hibur berasaskan digital dalam pengajaran tatabahasa bahasa Melayu. *Jurnal Inovasi Pendidikan Malaysia* 8(3): 72–85.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2022. *Format Ujian Akhir Sesi Akademik (UASA) Bahasa Melayu Sekolah Rendah*. Putrajaya: Lembaga Peperiksaan..
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025: Laporan Tahunan 2023*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasra.
- Lado, R. 1957. *Linguistics across cultures: Applied linguistics for language teachers*. Ann Arbor: University of Michigan Press.
- Loo Shu Jing & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2025. Kesalahan sebutan bahasa Melayu

- dalam kalangan murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Linguistik* 29(1): 114–127.
- Low Hui Min & Mazlan Bidin. 2023. Tahap pendedahan bahasa Melayu dan hubungannya dengan ketepatan penulisan dalam kalangan murid SJKC. *Jurnal Inovasi Pendidikan Malaysia* 9(2): 55–68.
- Mohd Azhar Abdul Aziz & Siti Nor Aini Jamil. 2023. Analisis kesalahan tatabahasa dalam karangan murid SJKC. *Jurnal Bahasa dan Pendidikan* 13(1): 22–38.
- Nurul Adzwa Ahamad, Norazlina Mohd Kiram & Roslina Abdul Aziz. 2020. Kesalahan morfologi golongan kata: Satu tinjauan terhadap murid Cina dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Linguistik* 24(2): 55–70.
- Nurul Adzwa Ahamad, Nur Farahkhanna Mohd Rusli & Norfaizah Abdul Jobar. 2020. Analisis kesalahan imbuan dalam penulisan karangan murid dan hubung kait dari segi makna gramatikal. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 77–90.
- Nor Aini Abdul Rahman & Zamri Mahamod. 2021. Pengaruh bahasa ibunda terhadap kesalahan tatabahasa murid sekolah jenis kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11(1): 14–27.
- Ooi Chwee Hwa & Vijayaletchumy Subramaniam. 2017. Faktor timbulnya pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Ulum Islamiyyah* 20: 85–94.
- Rahim Aman. 2021. Kesalahan sintaksis dan morfologi dalam kalangan murid sekolah rendah: Analisis berdasarkan penulisan naratif. *Jurnal Linguistik* 25(2): 1–15.
- Selinker, L. 1972. Interlanguage. *International Review of Applied Linguistics in Language Teaching* 10(3): 209–231.
- Siti Hajar Abdul Rahman & Abdul Rasid Jamian. 2020. Penguasaan kosa kata Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 41–54.
- Siti Khodijah Che Mee. 2020. Penguasaan sintaksis Bahasa Melayu dalam kalangan murid Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik Melayu di Universiti Putra Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)* 8(1): 67–80.
- Siti Norashikin Md. Nor & Rahim Aman. 2022. Analisis kesalahan tanda baca dalam karangan bahasa Melayu sekolah menengah: Kajian dari perspektif sintaksis dan wacana. *Jurnal Bahasa dan Linguistik Melayu* 12(1): 87–102.
- Siti Rahayu Muhammad & Sharil Nizam Shari. 2020. Kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dari aspek morfologi dalam penulisan karangan murid sekolah rendah (murid Cina Tahun 6 SJKC Hwa Jin, Batu Pahat, Johor). *International Social Science and Humanities Journal* 3(2): 77–89.
- Ugartini Magesvaran, Zamri Mahamod & Irma Mahat. 2021. Analisis kesalahan bahasa dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah San Min (Suwa), Teluk Intan. Dalam *Proceeding of International Conference on Business Studies and Education*, 44–60.
- Ugartini Magesvaran, Nurhidayah Abd Rahman & Khairul Ashraaf Saari. 2021. Analisis kesalahan tatabahasa bahasa Melayu dalam kalangan murid bukan penutur jati. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Melayu* 11(1): 77–92.
- Zaliza Mohamad Nasir. 2018. Kesalahan tatabahasa Bahasa Melayu dalam penulisan karangan murid. *LSP International Journal* 4(1).
- Zamri Mahamod. 2022. Amalan PdP tatabahasa dan pengajaran Bahasa Melayu dalam konteks sekolah pelbagai etnik. *Dewan Bahasa* 66(4): 30–46.